

# Fenomena salji tidak akan terjadi di Malaysia

**KUALA LUMPUR** - Fenomena luar biasa yang boleh membawa kepada berlakunya cuaca sejuk hingga menyebabkan salji tidak mungkin akan berlaku di Malaysia seperti mana yang terjadi di Gurun Sahara Ahad lalu.

Profesor Klimatologi dan Oseanografi Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Dr. Fredolin Tangang berkata, dalam konteks Malaysia, fenomena yang boleh terjadi hanyalah situasi sejuk tetapi tidak melibatkan keseluruhan negara.



Fredolin memberitahu, mengikut kitaran yang biasa berlaku di Malaysia cuaca sejuk bermula pada bulan November sehingga Januari.

“Situasi biasa yang berlaku adalah apabila bahagian latitud tinggi termasuk di Siberia dan utara China mengalami tekanan tinggi sehingga membawa angin kering turun ke bawah merentasi Laut China Selatan.

“Jadi, apabila angin kering itu melalui Laut China Selatan ia akan membawa sekali lembapan yang ada sehingga me-

nyebabkan berlakunya Monsun Timur Laut.

“Secara purata apa yang sering berlaku di Malaysia adalah hanya cuaca sejuk iaitu pada bulan November, Disember serta awal Januari.

“Situasi akan kembali normal apabila memasuki bulan Februari,” katanya ketika dihubungi bagi mengulas mengenai kejadian salji di Gurun Sahara semalam.

Tambahnya, bagi situasi yang berlaku di Gurun Sahara itu, ia berkemungkinan terjadi ekoran pertembungan udara panas di bahagian tinggi dan udara lembap pada bahagian rendah.